



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

8 APRIL 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRANG PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

8 APRIL 2021 (KHAMIS)

Pembeli sawit tipu alat timbang diserbu

KUALA SELANGOR – Ketampan sebuah pusat pengumpulan dan pembelian kelapa sawit mengaut untung berlebihan dengan memanipulasi alat timbangan terbongkar apabila diserbu pihak berkuasa di Kampung Sungai Yu, semalam.

Serbuan dilakukan pukul 10 pagi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, Ops Timbang Sawit itu dilakukan hasil maklumat dan intipan pihaknya berkaitan kewujudan isu penipuan timbangan buah kelapa sawit sejak setahun lalu susulan kenaikan harga kelapa sawit.

"Siasatan awal mendapati premis itu memanipulasi alat timbang dengan mengurangkan lima peratus berat sawit iaitu sehingga 250 kilogram (kg) sekali timbang, sekali gus mengakibatkan bayaran kepada pekebun kecil lebih rendah berbanding yang



PENGUAT kuasa KPDNHEP Selangor memeriksa penimbang dalam Ops Timbang Sawit yang dijalankan di Kuala Selangor semalam.

sepatutnya," katanya ketika ditemui selepas operasi semalam.

Ujar Muhamad Zikril, kes itu disiasat mengikut Seksyen 20A(1) (e) Akta Timbang dan Sukat 1972 iaitu membuat perubahan kepada alat timbang atau sukat sehingga menyebabkan ia menjadi tidak tepat.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda sehingga RM40,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau keduanya sekali.

"Kami turut merampas peralatan yang digunakan syarikat itu bagi membantu siasatan," katanya.

Premis perniagaan simpan tong LPG berlebihan diserbu KPDNHEP

GEORGETOWN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menyerbu sebuah premis perniagaan yang menyimpan tong gas petroleum cecair (LPG) melebihi kuantiti dibenarkan di Bayan Lepas pada Selasa.

Ketua Penguatkuasa KPDNHEP Timur Laut, Ahmad Ahrizzuddin Ahmad Hamdan berkata, dalam serbuan jam 8.30 malam itu mendapati premis berkenaan adalah pemegang lesen runcit yang sah bagi LPG dengan had kuantiti dibenarkan sebanyak 700 kilogram (kg).

Menurutnya, pemeriksaan mendapati sebanyak 1,414kg atau 101 tong LPG berada dalam premis ber-

kenaan sekali gus melebihi had kuantiti yang dibenarkan dalam lesen.

"Pemilik perniagaan disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan 10 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Ahmad Ahrizzuddin berkata, pihaknya memandang serius terhadap pelanggaran peraturan yang dilakukan oleh pemegang lesen barang kawalan berjadual yang menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan rakyat.

Katanya, siasatan lanjut akan dijalankan kepada pembekal yang membekalkan LPG kepada peruncit melebihi kuantiti yang dinyatakan dalam lesen.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35
• Daging Lembu Import	RM21
• Telur Gred A	RM8.90
• Ikan Kembung	RM10.90
• Minyak Masak	RM6
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM3
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM7
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



HARI : KHAMIS
TARIKH : 8/4/2021
M/SURAT : 1



	New fuel prices <i>April 8 – April 14</i>
RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM2.54 (+2 sen)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)